

29 JUN 2002

Muzium-Kapal

SEBANYAK 50-60 BUAH KAPAL DAGANG TENGGELAM BAHAN UNTUK KAJIAN

MELAKA, 29 Jun (Bernama) -- Jabatan Muzium dan Antikuiti mengenalpasti antara 50 dan 60 buah kapal dagang yang tenggelam di perairan negara kerana pelbagai faktor seperti ribut dan teknikal, kata Ketua Pengarahnya Datuk Dr Adi Taha.

Beliau berkata jabatan itu dengan kerjasama beberapa pihak maritim antarabangsa akan melakukan kerja mencari khazanah selain sebagai bahan kajian. Bagaimanapun, lokasi dan identiti kapal-kapal itu dirahsiakan atas sebab tertentu.

"Kita sendiri telah menubuhkan unit arkeologi maritim sejak dua tahun lepas terdiri daripada enam anggota yang melakukan kerja-kerja penyelidikan bahan artifaks khazanah dari kapal-kapal tenggelam yang ditemui, " kata kepada pemberita selepas merasmikan Pameran dan Penjualan Khazanah Dasar Laut Laut di sini malam tadi.

Pameran dua hari itu dianjurkan bersama oleh Hotel Renaissance Melaka dan Arkeologi Marin Nanhai yang mempamerkan bahan-bahan artifaks yang ditemui dari Kapal Royal Nanhai dari negara Thai.

Bahan artifaks berupa pinggan mangkuk porselin China jenis biru dan putih berusia antara 170 dan 650 tahun ditemui dari kapal berkenaan.

Menurut Dr Adi sejarah menunjukkan kedudukan Semenanjung Tanah Melayu berada dalam rangkaian perdagangan maritim antara Timur (China) dan Barat India (termasuk Eropah) yang mesti melalui perairan Asia Tenggara untuk berurusan antara kedua-dua pusat itu.

Beliau berkata unit arkeologi itu tidak berupaya melakukan kerja penyelidikan di dasar laut kerana tidak mempunyai pengalaman dan peralatan yang diperlukan.

"Bagaimanapun kakitangannya terlibat dalam kerja ekspedisi dengan syarikat antarabangsa asing yang mencari khazanah dari kapal-kapal yang tenggelam itu," katanya.

Beliau berkata sehingga kini 60,000 artifaks dikumpul oleh jabatan itu, kebanyakannya berupa sudu yang ditemui dari kapal yang tenggelam di perairan Laut China Selatan berhampiran Rompin, Pahang.

Dr Adi berkata dua buah muzium baru akan dibina di Putrajaya iaitu Muzium Ethnologi Dunia Melayu dan Muzium Alam Semulajadi.

Sebuah Muzium Automobil Negara juga akan dibina berhampiran Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

-- BERNAMA

NO ROS